

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS KUIZ KENEGARAAN PERINGKAT KEBANGSAAN
DI DEWAN WAWASAN, MENARA PGRM, CHERAS
13 NOVEMBER 1999

Saya difahamkan program kuiz kenegaraan ini adalah program tahunan jabatan penerangan untuk memberi maklumat tentang isu-isu semasa dan dasar-dasar kerajaan di samping untuk memupuk masyarakat supaya cintakan negara. Saya sesungguhnya amat gembira melihat kehadiran yang begitu ramai dari semua lapisan masyarakat yang tentunya kehadiran tuan-tuan dan puan-puan untuk menimba maklumat dan memeriahkan majlis ini. Secara umumnya saya berharap agar program yang seumpama ini dapat mencapai objektifnya untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang bermaklumat sesuai dengan wawasan negara iaitu wawasan 2020.

2. Tahun ini genaplah 42 tahun negara kita merdeka. Dalam hal ini adalah penting bagi kita melihat dan memaknakan kemerdekaan dengan nilai yang sewajarnya. Menghayati kemerdekaan adalah menghayati perjuangan bangsa iaitu perjuangan yang berhasrat untuk mengembalikan maruah dan mempertingkatkan martabat bangsa, kerana bangsa yang bermartabat ialah bangsa yang merdeka jiwa, fizikal dan mentalnya. Sesuatu bangsa itu akan dipandang mulia sekiranya mampu berdikari tanpa terlalu bergantung kepada bantuan orang lain.

3. Selama 42 tahun kita merdeka dan kita telah buktikan bahawa dalam jangka masa 42 tahun itu, kita boleh memerintah negara kita ini dengan lebih cekap, dengan lebih baik dan dengan lebih berkesan daripada pemerintahan kuasa penjajah sebelumnya. Kita berjaya membangunkan negara kita, kita berjaya mengharmonikan keadaan dalam negara kita, yang mana ini bukanlah satu perkara yang mudah kerana negara kita diduduki oleh berbilang bangsa, dipisahkan oleh bahasa, kebudayaan agama dan macam-macam lagi.

4. Walaupun sekarang ini berbagai-bagai masalah yang melanda negara kita, kita berjaya menentukan negara kita ini aman dan perhubungan antara kaum berjalan dengan baik. Kita boleh berkumpul seperti kita berkumpul pada pagi ini tanpa rasa ragu-ragu di antara sesama kita. Ini adalah satu kejayaan, kejayaan kita bersama, di samping kita dapat melihat bagaimana negara kita telah membangun dengan pesat sekarang ini.

5. Kalau kita lihat Kuala Lumpur sebelum kita merdeka dan bandingkan Kuala Lumpur sekarang ini, kita tentu mengakui bahawa kuala lumpur sudah membangun dengan pesat, dengan segala kemudahan untuk orang ramai, dengan perniagaan-perniagaan yang lebih hebat, dan yang lebih penting dengan peluang-peluang pekerjaan yang lebih banyak, bukan sahaja di Kuala Lumpur ini malah di seluruh negara. Demikianlah pembangunan negara kita sehingga kita dianggap sebagai sebuah negara membangun yang termaju. Hakikatnya ialah Malaysia sudah membangun dengan pesat dan pemerintahan Malaysia adalah sesuatu yang dianggap sebagai pemerintahan yang berjaya.

6. Walaupun begitu keadaannya, kita tidak boleh berpuas hati dengan kemajuan yang ada. Di zaman ini kita perlu melengkapkan diri kita dengan segala kekuatan yang ada untuk mengelak daripada dijajah cara baru. Kekuatan yang dimaksudkan

bukan sahaja kekuatan dari segi ketenteraan tetapi kekuatan yang datang daripada kestabilan politik, kemantapan ekonomi, keadilan sosial, kecekapan pentadbiran dan penguasaan ilmu dan teknologi yang canggih seperti yang dimiliki oleh negara-negara maju yang lain.

7. Soalnya sekarang, apakah kita mampu mengejar kekuatan yang menyeluruh ini? Kita harus ingat bahawa mereka yang mengejar mestilah lebih pantas daripada mereka yang dikejar. Jika tidak, tentulah kita tidak akan mendapat sasaran kita. Sasaran kita sentiasa bergerak dan tidak akan menunggu kita. Mampukah kita rakyat Malaysia bergerak dengan begitu pantas sehingga dapat mengejar sasaran kita?

8. Memikirkan tentang besarnya cabaran yang kita hadapi, mungkin boleh mengecewakan kita awal-awal lagi, tetapi, alhamdulillah, sekarang ini kian ramai yang percaya kita boleh dan memang pun kita boleh. Kita akur dengan percubaan yang berulang kali, kita akan boleh dengan kesanggupan berusaha, mempelajari dan terus mencuba sehinggalah kita berjaya.

9. Ini juga sepatutnya menyakinkan kita bahawa kita mampu membuat sesuatu, kita buat apa yang dahulunya dibuat oleh orang lain. Kita tidak harus berasa rendah diri lagi, bukan kita nak mendabik dada, tetapi kita mesti yakin bahawa kita boleh buat seperti apa yang orang lain buat.

10. Lihatlah pada sejarah tamadun Islam, tamadun Rome, tamadun Greek dan tamadun Parsi umpamanya; pada suatu masa dahulu, mereka mencapai tahap ketamadunan yang begitu tinggi. Tetapi hari ini dimanakah tamadun-tamadun ini? Kerana kelemahan yang ada pada mereka, maka sekarang ini mereka tidak lagi merupakan tamadun unggul di dunia ini.

11. Zaman ini terdapat banyak negara-negara di timur, termasuklah Jepun dan Korea yang begitu cepat maju, menguasai ilmu-ilmu dan kepakaran yang lebih baik daripada barat, sehingga mereka mampu bersaing dengan negara-negara barat.

12. Jepun dahulunya juga merupakan negara yang mundur berbanding dengan barat, tetapi mereka telah bangkit dan mempelajari segala ilmu daripada barat dan menguasai semua itu sehingga mereka dapat mendirikan satu negara yang hari ini mengancam Amerika Syarikat, negara terbesar dan terkaya di dunia.

13. Jadi apakah yang kurang pada kita? Dari segi fizikal, mental dan dari segi semangat, kita tidak berbeza daripada bangsa-bangsa lain yang maju. Yang berbeza ialah budaya kita, sistem nilai hidup kita dan tamadun yang telah kita bina. Adakah kita akan hilang jati diri atau identiti kita, identiti bangsa kita juga kita baiki nilai hidup kita sehingga dapat membentuk budaya dan tamadun yang baru untuk kita, budaya dan tamadun yang lebih sesuai untuk kemajuan demi untuk mengangkat martabat bangsa.

14. Jika kita betul-betul ingin maju, kerana kemajuan adalah untuk kesenangan kita di dunia sama pentingnya dengan kebahagiaan diakhirat. Jika kita ingin maju kerana kita menghargai maruah kita, jika kita ingin maju kerana kita ingin dipertuankan secara sebenar, maka hendaklah kita buktikan bahawa kita berkeupayaan dan mempunyai kedudukan untuk menjadi tuan. Tidak ada gunanya kita mendakwa diri sebagai "tuan" sedangkan kita dan bangsa kita dihina.

15. Apabila kita merancang koridor raya multimedia, kita sebenarnya berusaha untuk menyelamatkan bangsa kita dalam zaman yang mencabar sekarang dan masa yang akan datang. Tanpa pengetahuan dalam bidang teknologi maklumat dan cara-cara menggunakannya, kita bukan sahaja akan tertinggal di belakang tetapi akan terdedah kepada serangan ke atas cara hidup, agama dan budaya kita.

16. Memang benar ada kemungkinan projek ini disalahgunakan atau menimbulkan perkara-perkara yang tidak diingini. Tetapi jika kita tidak tahu tentang teknologi dan pengurusan multimedia, kita mungkin tidak akan dapat mengawal gejala buruk yang akan berlaku kepada kita. Koridor raya multimedia adalah projek untuk membolehkan kita menguasai teknologi yang terkini dan menggunakannya untuk kebaikan kita.

Tuan-tuan dan puan-puan,

17. Untuk mencapai kejayaan, yang penting ialah nilai-nilai yang baik, sifat-sifat yang baik yang ada pada kita. Kita hendak cari kejayaan mestilah dengan cara yang tertib, cara yang tersusun, cara yang diizinkan. Kita mesti beramanah, melaksanakan tanggungjawab dengan sebaik mungkin, disiplin, rajin bekerja dan macam-macam lagi nilai-nilai yang baik kalau diamalkan, kita akan berjaya setanding dengan bangsa-bangsa yang sudah maju.

18. Paling penting dan utama, kalau kita hendak capai apa yang dikatakan wawasan 2020, negara kita mesti stabil, stabil dari segi ekonomi, stabil dari segi politik. Cita-cita negara ini boleh dicapai hanya dengan adanya kerajaan yang kuat.

19. Dari segi ekonominya, kita boleh lihat apa yang telah kita buat selama ini. Sebagai contohnya, pada suatu ketika, kita tidak mimpikan untuk mengeluarkan kereta sendiri. Bila kita rancang untuk mengadakan kereta nasional, ramai yang ketawa termasuk orang asing. Tetapi hari ini kita boleh buat kereta yang berkualiti yang boleh diterima di pasaran antarabangsa. Sebabnya ialah kita sanggup tumpukan kepada kerja ini dan kita boleh menguasai kualiti yang diperlukan. Begitu juga dengan lain-lain kegiatan untuk memantapkan ekonomi negara dan kita boleh mencapai kebaikan daripadanya.

20. Kestabilan politik memang tidak boleh dipisahkan untuk menjamin kesejahteraan sesebuah negara. Ini bermakna kita mesti tahu membawa diri dan faham kaedah-kaedah demokrasi dan berpolitik secara demokrasi. Sebab itu, kita harus bersyukur di Malaysia rakyat faham tentang demokrasi, mereka faham bahawa demokrasi memberi peluang kepada mereka untuk mengetahui, menentukan siapakah yang boleh memimpin mereka dan membawa rakyat dan negara ke arah kemajuan.

21. Demokrasi ialah demokrasi yang kita tentukan mengikut acuan kita, mengikut kesesuaian negara kita. Dalam negara kita, kita akui kita ada sekatan-sekatan tertentu. Ada perkara yang tidak boleh dibuat dan dibenarkan kerana kita berpendapat bahawa masyarakat mempunyai hak untuk menentukan keadaan masyarakat bukan membiarkan kepada sebarang orang untuk membuat apa saja.

22. Demokrasi adalah baik kalau kita tahu apa itu demokrasi dan tahu bagaimana menggunakan demokrasi. Tetapi demokrasi akan menjadi tidak baik kalau kita tidak tahu menggunakannya. Demokrasi bukan bermakna tiap-tiap hari kita turun kejalan-jalan berdemonstrasi, bakar kereta, merosakkan harta benda awam seperti disesetengah negara asing. Dalam negara kita, kita diberi kebebasan untuk bersuara

mengikut saluran yang betul, kita diberi kebebasan untuk mengadakan persatuan tetapi bukan untuk merusuh, bukan untuk merosakkan ekonomi negara dan bukan untuk mengganggu-gugat keharmonian negara.

Tuan-tuan dan puan-puan,

23. Tidak sampai dua bulan sahaja lagi seluruh masyarakat dunia akan memasuki era tahun 2000 atau lebih dikenali sebagai alaf baru, satu alaf yang digambarkan dengan penuh cabaran yang amat luar biasa yang mungkin boleh mengubah cara hidup kita. Seluruh dunia sibuk mengatur persediaan menunggu kedatangan tahun baru itu, kita patut bertanya sama ada kita rakyat malaysia sudah membuat persediaan yang cukup untuk menuju ke arah itu.

24. Begitu juga dengan cita-cita kita untuk menjayakan wawasan 2020. Wawasan ini adalah untuk semua. Kejayaan negara dan rakyatnya dalam wawasan 2020 akan dapat dicapai dengan penglibatan semua lapisan masyarakat melalui sokongan dan kerjasama sepenuhnya serta sanggup menghadapi segala rintangan dan cabaran bagi mencapai matlamat menjadikan malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

25. Akhir sekali saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada jabatan Penerangan Malaysia kerana berjaya menganjurkan pertandingan kuiz kenegaraan yang cukup berfaedah ini.

26. Dengan lafaz yang mulia 'bismillahirrahmannirrahim' saya dengan sukacitanya merasmikan pertandingan kuiz kenegaraan peringkat kebangsaan.

Terima kasih.